

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 2 MENGENAI AUDITAN KHAS  
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR, PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI DAN PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI PAHANG**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Audit Khas, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agenzi Negeri Pahang. Bagi LKAN Tahun 2021 Siri 2, sebanyak lima pengauditan telah dilaksanakan yang melibatkan satu Audit Khas, satu Pengauditan Pengurusan Syarikat dan tiga Pengauditan Pematuhan.

2. Lima pengauditan yang dilaksanakan merangkumi seperti berikut:
- 2.1. Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) melibatkan keluasan kawasan berhutan seluas 2.04 juta hektar.
  - 2.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat YP Plantation Holdings Sdn. Bhd. (YPPH) dengan modal berbayar berjumlah RM47 juta.
  - 2.3. Tiga pengauditan pematuhan iaitu:
    - a. Terimaan Hasil Premium Tanah di Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Maran. Jumlah terimaan hasil tersebut pada tahun 2021 ialah RM1.26 juta.
    - b. Bayaran Elaun Guru Kelas Al-quran dan Fardu Ain (KAFA) di Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP). Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, jumlah bayaran elaun guru KAFA ialah RM87.60 juta.
    - c. Pembiayaan pinjaman pendidikan di Yayasan Pahang (YP). Jumlah pembiayaan pinjaman pendidikan pada tahun 2021 ialah RM10.20 juta.

3. Secara keseluruhannya, daripada lima pengauditan yang disemak didapati beberapa penemuan seperti berikut:

- 3.1. Bagi aspek penilaian pencapaian output didapati:
  - a. Berdasarkan aspek ekonomi, JPNP mencatatkan prestasi kutipan hasil hutan sebanyak 77.2% bagi tempoh tahun 2016 hingga 2021. Bagi aspek sosial, empat koridor *Central Forest Spine* (CFS) masih belum diwartakan sebagai Hutan Perlindungan.
  - b. Bagi aspek alam sekitar pula, sasaran 50% keluasan kawasan berhutan telah tercapai iaitu 56.7% tetapi keluasan tanaman projek ladang hutan hanya mencapai 34%. Pencapaian warta masuk Hutan Simpan Kekal (HSK) ialah

72% manakala pencapaian aktiviti Rancangan Pengurusan Hutan ialah antara 15.6% hingga 23%.

- c. YPPH mencapai sasaran dua daripada empat Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan dalam Pelan Strategik manakala hasil pengeluaran dan penjualan buah tandan segar (BTS) pula mencapai sekurang-kurangnya 90% sasaran yang ditetapkan.
- 3.2. Bagi aspek penilaian pencapaian keberhasilan didapati:
- a. Aktiviti pembangunan hutan memberi impak positif terhadap aspek ekonomi dan sosial dari segi penggunaan dan pengeluaran Industri Berasaskan Kayu (IBK), hasil eksport IBK, peluang pekerjaan dan taraf hidup rakyat.
  - b. Namun begitu, aktiviti perhutanan turut memberi impak negatif terhadap aspek sosial berdasarkan aduan konflik hidupan liar dan penilaian tahap kepuasan komuniti orang asli.
  - c. Penilaian terhadap aspek alam sekitar pula mendapati aktiviti perhutanan memberikan impak negatif bagi lima kriteria yang dinilai iaitu pencemaran, persampelan air sungai, penutupan operasi loji air, perubahan suhu dan kejadian banjir.
  - d. YPPH mencapai sasaran empat daripada tujuh KPI Keberhasilan yang ditetapkan manakala pulangan yang diberikan kepada YP berjumlah RM327.11 juta bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
- 3.3. Berdasarkan aspek pengurusan aktiviti didapati:
- a. Aktiviti Pengurusan Sumber Hutan adalah tidak cekap manakala aktiviti Pembangunan Sumber Hutan dan Projek Ladang Hutan adalah tidak cekap dan tidak berkesan.
  - b. Bagi aktiviti Pemeliharaan dan Perlindungan Hutan, kos pemulihan tinggi dan cadangan projek tidak dilaksanakan dalam tempoh yang dirancang.
  - c. Aktiviti Pemantauan dan Penguatkuasaan bagi perhutanan pula adalah kurang cekap dan kurang berkesan.
  - d. YPPH menjalankan aktiviti perladangan kelapa sawit dengan cekap.
- 3.4. YPPH mengamalkan sepenuhnya lapan daripada sembilan aspek tadbir urus korporat dan mencatatkan keuntungan terkumpul berjumlah RM263.33 juta pada tahun 2021.

3.5. Bagi pengauditan pematuhan terdapat empat isu kehilangan/kerugian wang awam bernilai RM720,823 melibatkan PDT Maran dan YP iaitu:

- a. PDT Maran
  - i. Premium Penalty dikenakan kurang berbanding kadar yang sepatutnya berjumlah RM12,840.
  - ii. Pelanggaran syarat tidak dikenakan penalty berjumlah RM4,476.
- b. Yayasan Pahang
  - i. Bayaran pinjaman tertunggak melebihi Akta Had Masa berjumlah RM488,261.
  - ii. Penalty yang sepatutnya dikenakan terhadap peminjam yang membayar tidak mengikut jadual bayaran balik pinjaman berjumlah RM215,246 tidak dikenakan.

3.6. Selain itu, berlaku juga dua isu pembayaran tidak teratur bernilai RM259,748 melibatkan JAIP iaitu:

- a. Elaun dan caruman majikan masih dibayar bagi guru yang bercuti tanpa elaun berjumlah RM111,939.
- b. Elaun dan caruman majikan masih dibayar bagi guru yang telah berhenti, ditamatkan dan bersara berjumlah RM147,809.

4. Hasil daripada pengauditan yang dilaksanakan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 13 syor untuk diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi dan Syarikat berkaitan. Sebanyak tiga syor dikemukakan masing-masing kepada JPNP, PDT Maran, dan JAIP manakala dua syor masing-masing kepada YP dan YPPH.